



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI,
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62624 PUTRAJAYA, WP PUTRAJAYA, MALAYSIA.



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 Jld.4 ()

Tarikh : 21 September 2016

SILA LIHAT SENARAI AGIHAN

Tuan/puan,

LARANGAN SEMENTARA PENGIMPORAN BURUNG-BURUNG HIDUP DARI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG DILANDA WABAK SELSEMA BURUNG

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara diatas. Surat ruj; JPV/PBS(O)600 dari Jabatan Veterinar Malaysia (DVS) bertarikh 9 September yang disertakan juga dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar(DVS) telah mengenakan larangan sementara pengimportan semua jenis burung/unggas hidup termasuk telur bernas(hatching egg) dari Negara Netherlands, Perancis, Taiwan, Amerika Syarikat dan Afrika Selatan dan masih lagi berkuatkuasa. Larangan ini bersesuaian dengan Peraturan dan Protokol Import Jabatatan Perkhidmatan Veterinar(JPV) di bawah Undang-undang Malaysia Akta Binatang 1953 (semakan 2006) dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011(Akta 728) & Peraturan-Peraturan.

3. Sehubungan dengan itu adalah diingatkan agar pegawai MAQIS tidak meluluskan sebarang permohonan permit import semua jenis jenis burung/unggas hidup termasuk telur bernas(hatching egg) dari Negara-negara berkenaan disamping kawalan untuk mencegah kemasukan di semua pintu-pintu masuk hendaklah diperketatkan.

Di atas kerjasama dan komitmen pihak tuan di dalam perkara di atas adalah dihargai.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOKHTARUD-DIN BIN HUSAIN)

Ketua Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaa Malaysia(MAQIS)
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.